

**NO. SOALAN : 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah perbelanjaan oleh Tourism Malaysia untuk tujuan pengiklanan bagi tahun 2016 serta nilai kontrak yang dianugerahkan kepada setiap agensi pengiklanan yang dilantik oleh Tourism Malaysia.**

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2016 Tourism Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM125 juta untuk tujuan pengiklanan bagi pasaran antarabangsa dan domestik dan telah membelanjakan kesemuanya untuk tujuan ini. Jumlah perbelanjaan ini adalah dibawah paras siling yang telah ditawarkan kepada agensi-agensi yang dilantik.

Tourism Malaysia telah melantik agensi-agensi pengiklanannya melalui proses tender. Sebanyak 8 (lapan) agensi Pengiklanan, 1 (satu) agensi pemasaran digital dan 1 (satu) agensi kreatif untuk tempoh 2015-2017 telah dilantik dengan siling kontrak sebanyak RM175 juta setahun. Pecahan siling kontrak untuk tempoh tahun 2016 adalah seperti berikut:

1. Agensi pasaran domestik – RM15 juta;
2. Agensi pasaran ASEAN – RM25 juta;
3. Agensi pasaran China – RM15 juta;
4. Agensi pasaran Jepun, Hong Kong dan Taiwan – RM15 juta;
5. Agensi pasaran Asia Selatan – RM15 juta;
6. Agensi pasaran Asia Barat dan Afrika – RM15 juta;
7. Agensi pasaran Amerika dan Eropah – RM30 juta;
8. Agensi pasaran Oceania – RM15 juta;
9. Agensi kreatif – RM10 juta;
10. Agensi promosi digital – RM30 juta.

Sekian, terima kasih.